



## SIARAN MEDIA

### PENANGGUHAN PERSIDANGAN ANGKASA NEGERI DAN SEMUA PROGRAM ANJURAN ANGKASA

---

**PETALING JAYA, 16 Mac 2020-** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) mengambil maklum situasi terkini penularan jangkitan COVID-19 yang telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Antarabangsa (WHO) sebagai pandemik di peringkat global. ANGKASA juga merujuk dan mengambil kira saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta nasihat Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam perutusan beliau pada 13 Mac 2020 yang memutuskan semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai (*mass gathering*) ditangguhkan atau dibatalkan mengikut kesesuaian bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19 berlaku.

Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan ANGKASA Bil. 3/2020 pada 16 Mac 2020 telah membuat keputusan untuk **MENANGGUHKAN PERSIDANGAN ANGKASA NEGERI 2020 DI SELURUH MALAYSIA YANG TELAH DIJADUALKAN SEPANJANG BULAN MAC HINGGA APRIL 2020 SERTA PERSIDANGAN KEBANGSAAN TAHUNAN ANGKASA 2020 YANG DIJANGKA AKAN DIADAKAN PADA BULAN JUN 2020 BERKUAT KUASA SERTA MERTA** sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

ANGKASA juga memutuskan kesemua program ANGKASA yang melibatkan perhimpunan orang ramai seperti taklimat, seminar, bengkel dan kejohanan sukan turut **DITANGGUHKAN**. Segala kesulitan dan perkara yang berbangkit dengan penangguhan program anjuran ANGKASA amatlah dikesali. Kepimpinan Tertinggi dan Pengurusan ANGKASA menghargai kerjasama, sokongan dan kefahaman semua pihak berkaitan perkara ini. ANGKASA mengambil tindakan pencegahan dan kawalan ini demi kemaslahatan anggota koperasi, kakitangan ANGKASA dan masyarakat umum.

ANGKASA turut menasihatkan semua anggota koperasi dan kakitangan ANGKASA untuk menjaga kebersihan dan meningkatkan langkah-langkah melindungi diri dan orang lain dari COVID-19 serta mematuhi sepenuhnya nasihat dan langkah-langkah pencegahan pengawalan penularan jangkitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh KKM.

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT ANGKASA  
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD (ANGKASA)  
16 MAC 2020**

## **ANGKASA**

ANGKASA adalah Badan Apeks Gerakan Koperasi Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyatukan dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. Selain daripada menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, dan kesatuan, ANKASA melaksanakan program transformasi perniagaan dan keusahawanan koperasi dalam sektor perniagaan yang berimpak tinggi seperti Kewangan, Pertanian dan Industri Asas Tani, Pemborongan dan Peruncitan, Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Perladangan, Hartanah dan Industri Binaan, Inovasi dan Teknologi serta Pembangunan Komuniti.

Sehingga bulan Jun 2019, ANKASA menaungi kira-kira 14,417 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 6.1 juta orang. Sehingga bulan Disember 2018, jumlah modal syer/ yuran anggota adalah sebanyak RM15.2 bilion, jumlah aset RM143.7 bilion dan perolehan sebanyak RM40.3 bilion (*Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia*).

ANGKASA telah menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC 27001:2013) dan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ISO37001:2016). ANKASA juga telah dianugerahkan Cyber Security Organization of The Year di bawah kategori Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO 27001:2013) pada tahun 2015.

Untuk maklumat lanjut mengenai ANKASA, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan di talian +603 78007800 atau e-mel kepada apex@angkasa.coop . Anda juga boleh melawati laman web kami di [www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop) dan berinteraksi dengan kami di akaun rasmi Facebook atau Twitter di @ANGKASACoop

Untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan media massa, sila hubungi:

**Halim Haji Ibrahim**  
**Pengurus Besar**  
**Bahagian Komunikasi Korporat ANKASA**

Tel. : +603 – 7884 6481

Fax : +603 – 7884 6489

Hp : +6016-4580305

Emel : korporat.angkasa@gmail.com

[www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop)